



KENYATAAN MEDIA

PEJABAT TIMBALAN MENTERI KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

8 OKTOBER 2018

-
1. Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) adalah sebuah Majlis yang ditubuhkan berdasarkan Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Akta 652) bagi menjalankan fungsi seperti berikut :
 - i. Meluluskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS).
 - ii. Menasihati Menteri tentang perkara-perkara yang melibatkan latihan kemahiran dan apa-apa yang berkaitan dengan akta ini serta;
 - iii. Melaksanakan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Akta.
 2. Kesemua Ahli Majlis dilantik oleh YB Menteri Sumber Manusia yang terdiri daripada wakil-wakil sektor awam, sektor swasta dan pemain industri. Di bawah Kerajaan Baharu ini, peranan MPKK akan dipertingkatkan dengan mengoptimumkan peranan ahli majlis yang mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang masing-masing. Oleh yang demikian, mesyuarat pada hari ini telah bersetuju untuk menubuhkan enam (6) Jawatankuasa Kerja baru bagi membantu MPKK dalam melaksanakan tanggungjawabnya, di samping dua (2)

Jawatankuasa Kerja yang sedia ada. Jawatankuasa Kerja baru yang ditubuhkan adalah:

- i. Jawatankuasa Kerja Tadbir Urus '*Technical and Vocational Education and Training*' (TVET)
- ii. Jawatankuasa Kerja Pensijilan dan Pengiktirafan
- iii. Jawatankuasa Kerja Pembiayaan Latihan
- iv. Jawatankuasa Kerja Peningkatan Kualiti Latihan TVET
- v. Jawatankuasa Kerja Kerjasama Strategik
- vi. Jawatankuasa Kerja Promosi

Dan Jawatankuasa yang sedia ada adalah:

- i. Jawatankuasa Teknikal Standard
- ii. Jawatankuasa Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan Kemahiran.

3. Jawatankuasa Kerja ini bertanggungjawab mensyorkan dan menasihati MPKK dalam perkara-perkara seperti berikut:

- a. Meningkatkan tadbir urus TVET yang lebih efektif.
- b. Mengharmoni hubungan pemain TVET dengan *regulatory body* yang lain untuk mengelakkan pertindihan kuasa dan tugas serta mewujudkan career path yang lebih jelas.
- c. Merangka kaedah pembiayaan latihan yang lebih mampan.
- d. Meningkatkan mekanisme pelaksanaan latihan yang lebih efisien selaras dengan keperluan industri negara.
- e. Meningkatkan kerjasama strategik di antara Kerajaan, industri serta pusat latihan bagi merencanakan pelaksanaan TVET.
- f. Rebranding serta meningkatkan stigma masyarakat berkaitan TVET.

4. Untuk mesyuarat hari ini, sebanyak 18 NOSS baru yang diluluskan. Sebanyak 8 NOSS pula dikemaskini berdasarkan keperluan semasa industri.
5. Berkaitan topik keperluan semasa industri, Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) memainkan peranan utama melatih tenaga pengajar (TVET) di dalam kaedah pengajaran, dan memastikan tenaga pengajar sentiasa terkini di dalam mengikuti keperluan industri melalui jalinan kerjasama industri. CIAST merupakan satu-satunya pusat latihan pengajar TVET di bawah seliaan Kementerian Sumber Manusia. Pemerkasaan dan penambahbaikan CIAST juga menjadi salah satu agenda utama MPKK.
6. Sehubungan itu, adalah sangat diharapkan MPKK, melalui kesemua Jawatankuasa Kerja ini akan berperanan dengan sebaiknya supaya fungsi penubuhan MPKK dapat dicapai. Ini akan memastikan pemerkasaan TVET dapat dilaksanakan di Malaysia, di setiap peringkat.

Sekian, terima kasih.